

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

STW214 - Penyelidikan Kerja Sosial

Masa: [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Soalan No. 1 daripada Bahagian A **WAJIB** dijawab dan jawab **DUA** (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagia A (40 markah)

Soalan 1 **Wajib** dijawab.

1. Artikel bertajuk “The importance of ethnicity in the social support systems of older New Yorkers: A longitudinal perspective (1970 to 1990)” yang ditulis oleh Cantor, Brennan dan Sainz dalam Jurnal “Gerontological Social Work Vol. 22, 1994” mengkaji tentang kepentingan etnik dalam komposisi rangkaian sosial dan pertukaran sokongan antara-generasi (intergenerational support exchanges).

Kajian ini melibatkan sampel kebarangkalian (probability sample) bagi semua orang yang berumur 65 tahun ke atas yang tinggal di bandaraya New York. Seramai 1,570 orang daripada satu senarai nama penerima program “medicare” di New York telah dipilih/distratifikasi mengikut umur dan kumpulan etnik (Kulit Putih, Amerika-Afrika dan Latin).

Kaedah mengumpul data yang digunakan dalam kajian ini ialah temubual berstruktur yang dibuat secara bersemuka (face-to-face). Penemuan kajian ini telah dibandingkan dengan penemuan dalam kajian yang telah dijalankan oleh Cantor (1978) bertajuk “The elderly in the inner city of New York”.

Kajian ini mendapati bahawa penjangka yang paling kuat (strongest predictor) bagi pemberian pertolongan (provision of assistance) antara-generasi ialah keperluan-keperluan tertentu, jantina dan tahap sumber-sumber peribadi (sama ada dari pihak orang tua atau anak/anak-anak mereka) yang ada untuk memenuhi keperluan tersebut, malah ianya tidak bergantung kepada kumpulan etnik. Penemuan ini adalah berguna bagi para profesional (yang bekerja dengan orang tua) untuk merancang intervensi kerja sosial yang bersesuaian.

Soalan:

- a. Apakah maksud sampel kebarangkalian (probability sample) dalam kajian tersebut?
- b. Bincangkan variabel-variabel bergantung (dependent) dan tak bergantung (independent) dalam kajian tersebut.
- c. Bincangkan kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan temubual berstruktur secara bersemuka yang digunakan dalam kajian tersebut.
- d. Bincangkan isu-isu etika dalam kajian tersebut.

(40 markah)

Bahagian B

Pilih DUA (2) daripada empat soalan berikut. 30 markah bagi setiap soalan.

2. Sebagai seorang pekerja sosial di sebuah agensi khidmat sosial di Pulau Pinang, anda telah diminta untuk merancang perkhidmatan bagi menangani masalah penjagaan orang kurang upaya. Sebagai langkah pertama dalam merancang perkhidmatan itu, anda perlu melakukan penentuan keperluan (needs assessments). Bincangkan bagaimana anda melakukannya.
(30 markah)
3. Terdapat beberapa kriteria asas bagi menilai atau menguji kebolehpercayaan sesuatu alat ukur. Bincangkan kriteria-kriteria tersebut.
(30 markah)
4. Sebagai penyelia Pusat Pemulihan Akhlak, anda dikehendaki untuk membuat penilaian tentang keberkesanan program pemulihan yang dijalankan di pusat tersebut. Bincangkan rekabentuk penyelidikan yang akan anda gunakan dalam penilaian tersebut.
(30 markah)
5. Bincangkan:
 - a. Proses penyelidikan saintifik dalam Kerja Sosial.
 - b. Tujuan-tujuan dalam Penyelidikan Kerja Sosial.
(30 markah)